

IRBISAT 150MG TABLET

IRBISAT 300MG TABLET

Irbesartan (150mg & 300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Irbisat
2. Bagaimana Irbisat Berfungsi
3. Sebelum mengambil Irbisat
4. Cara menggunakan Irbisat
5. Semasa menggunakan Irbisat
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Irbisat
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Irbisat

- Untuk mengubati tekanan darah tinggi (*essential hypertension*)
- Untuk melindungi buah pinggang pada pesakit dengan tekanan darah tinggi, diabetes jenis 2 dan dibuktikan fungsi buah pinggang terjejas.

Bagaimana Irbisat Berfungsi

Irbisat tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *angiotensin-II receptor antagonists*. *Angiotensin-II* adalah bahan yang dihasilkan di dalam badan yang mengikat pada reseptor dalam saluran darah yang menyebabkan mereka untuk menggetatkan. Ini menyebabkan peningkatan tekanan darah. Irbisat menghalang pengikatan *angiotensin II* pada reseptor, menyebabkan saluran darah mengendur dan menurunkan tekanan darah. Irbisat melambatkan penurunan fungsi buah pinggang pada pesakit dengan tekanan darah tinggi dan diabetes jenis 2.

Sebelum mengambil Irbisat

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada irbesartan atau mana-mana bahan-bahan lain Irbisat.
- Jika anda mengandung lebih dari 3 bulan. (Lebih baik mengelakkan mengambil Irbisat pada awal kehamilan).

Irbisat tidak seharusnya diberikan kepada kanak-kanak dan remaja (di bawah 18 tahun).

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi:

- Jika anda mempunyai kencing manis atau fungsi buah pinggang terjejas dan anda dirawat dengan ubat menurunkan tekanan darah yang mengandungi *aliskiren*.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru saja mengambil ubat-ubatan yang lain, termasuk ubat diperolehi tanpa preskripsi.

Irbisat biasanya tidak berinteraksi dengan ubat-ubatan yang lain.

Anda mungkin perlu memeriksa darah jika anda mengambil:

- suplemen kalium
- garam pengganti yang mengandungi kalium
- ubat-ubatan *potassium-sparing* (seperti diuretik)
- ubat-ubatan yang mengandungi lithium
- *repaglinide* (ubat yang digunakan untuk menurunkan paras gula darah)

Doktor anda mungkin perlu mengubah dos anda dan / atau mengambil langkah berjaga-jaga lain: Sekiranya anda mengambil *ACE inhibitor* atau *aliskiren*.

Sekiranya anda mengambil ubat penahan sakit tertentu, yang dikenali sebagai *non-steroidal anti-inflammatory drugs*, kesan *irbesartan* mungkin berkurang.

Mengambil Irbisat dengan makanan dan minuman

Irbisat boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Cara menggunakan Irbisat

Berapa banyak harus diambil

Ambil Irbisat melalui mulut. Menelan tablet dengan jumlah cecair yang mencukupi (misalnya satu gelas air).

• Pesakit dengan tekanan darah tinggi

Dos biasa ialah 150mg sehari. Dos kemudian boleh dipertingkatkan hingga 300mg sehari bergantung pada respon tekanan darah.

• Pesakit dengan tekanan darah tinggi dan diabetes jenis 2 dengan penyakit buah pinggang

Pada pesakit dengan tekanan darah tinggi dan diabetes jenis 2, 300mg sehari adalah dos penyelenggaraan pilihan bagi rawatan penyakit buah pinggang yang berkaitan.

Doktor mungkin menasihati dos yang lebih rendah, terutamanya apabila memulakan rawatan pada pesakit-pesakit tertentu seperti pesakit dengan rawatan hemodialisis, atau yang berumur lebih 75 tahun.

Sekiranya dos permulaan yang lebih rendah diperlukan, rawatan lain perlu dipertimbangkan kerana tablet 150 mg tidak boleh dipecah separuh.

Kesan penurunan tekanan darah maksimum dicapai 4-6 minggu selepas permulaan rawatan.

Ambil Irbisat mengikut arahan doktor anda. Jika tidak pasti, dapatkan kepastian daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Bila perlu diambil

Anda boleh mengambil Irbisat dengan makanan atau tanpa makanan. Anda hendaklah mengambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

Berapa lama perlu diambil

Adalah penting bahawa anda terus mengambil Irbisat sampai doktor anda memberitahu anda sebaliknya

IRBISAT 150MG TABLET

IRBISAT 300MG TABLET

Irbesartan (150mg & 300mg)

Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal dengan segera, jika hampir dengan dos seterusnya, tinggalkan dos yang tertinggal dan teruskan dengan dos berikutnya. Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak tablet, hubungi doktor anda segera. Kanak-kanak tidak seharusnya mengambil Irbisat. Irbisat tidak seharusnya diberikan kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Jika seorang kanak menelan beberapa tablet, hubungi doktor anda segera.

Semasa menggunakan Irbisat

Perkara yang perlu dilakukan

Kehamilan

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda rasa anda (atau mungkin menjadi) mengandung. Biasanya doktor akan menasihati anda berhenti mengambil Irbisat sebelum anda hamil atau dengan segera anda tahu anda hamil dan akan menasihati anda mengambil ubat lain.

Irbisat tidak digalakkan pada awal kehamilan, dan tidak harus diambil apabila hamil 3 bulan lebih, kerana ia boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi anda jika digunakan selepas bulan ketiga kehamilan.

Menyusu

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusukan atau merancang untuk menyusukan bayi. Irbisat tidak digalakkan untuk ibu yang sedang menyusui, dan doktor anda akan memilih rawatan lain untuk anda jika anda ingin menyusu, terutamanya jika bayi anda baru dilahir, atau dilahirkan pramatang.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat tanpa nasihat doktor.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain yang mengalami masalah sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor anda jika mana-mana yang berikut berkenaan dengan anda:

- jika anda mendapat muntah-muntah atau cirit-birit yang berlebihan
- jika anda mengalami masalah buah pinggang
- jika anda mengalami masalah jantung
- jika anda menerima Irbisat untuk penyakit **diabetic kidney disease**.

Dalam hal ini doktor anda mungkin akan menjalankan ujian darah secara tetap, terutamanya mengukur kadar potassium darah, jika buah pinggang berfungsi dengan lemah

- jika anda mengalami paras gula darah rendah; terutamanya jika anda sedang dirawat untuk diabetes
- jika anda akan menjalani pembedahan atau diberi ubat bius
- jika anda mengambil mana-mana ubat berikut yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi: -
ACE-inhibitor (contohnya *enalapril*, *lisinopril*, *ramipril*) khususnya jika anda mempunyai masalah buah pinggang yang berkaitan dengan *diabetes*. - *aliskiren*

Memandu dan menggunakan mesin

Irbisat tidak akan menjejaskan keupayaan anda memandu atau menggunakan mesin. Walau bagaimanapun, kadang-kadang pening atau keletihan mungkin berlaku semasa rawatan tekanan darah tinggi. Jika anda mengalami ini, berbincang dengan doktor anda sebelum cuba untuk memandu atau menggunakan mesin.

Kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Irbisat boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapatkan. Beberapa kesan-kesan sampingan mungkin serius dan mungkin memerlukan rawatan perubatan. Seperti ubat-ubatan yang sama, alahan kulit (ruam, urtikaria) yang jarang berlaku, dan juga pembengkakan muka, bibir dan/atau lidah telah dilaporkan dalam pesakit-pesakit yang mengambil *irbesartan*.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, walaupun bukan seperti senarai di atas, selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan

Irbisat

Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C. JAUHKAN DARIPADA KANAK-KANAK.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

IRBISAT 150MG TABLET

IRBISAT 300MG TABLET

Irbesartan (150mg & 300mg)

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Untuk 150mg

Tablet yang keputihan, berbentuk bujur, dan bertanda "I2" pada satu bahagian.

Pembungkusan:

Irbesat boleh didapati dalam bungkusan blister 28 tablet dalam satu kotak.

Untuk 300mg

Tablet yang keputihan, berbentuk bujur, dan bertanda "I3" pada satu bahagian.

Pembungkusan:

Irbesat boleh didapati dalam bungkusan blister 28 tablet dalam satu kotak.

Bahan-bahan Kandungan

Bahan aktif yang digunakan ialah *Irbesartan*

Bahan tidak aktif ialah *Mannitol, crospovidone, colloidal silicon dioxide, sodium laurylsulfate, povidone, magnesium stearate, opadry white and purified water.*

No.MAL:

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

SM PHARMACEUTICALS SDN.BHD.
(218628-M)
Lot 88, Sungai Petani Industrial Estate
08000, Sungai Petani
Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh Kemaskini: 14.10.2022

Nombor Siri:

NPRA (R2) 22/010